

01/09/2003

Mampu bawa 80,000 penumpang sehari

KUALA LUMPUR: Perkhidmatan monorel yang memulakan operasi komersial semalam selepas tertangguh sebelum ini diharap dapat membantu mengurangkan masalah kesesakan di ibu kota.

Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy, berkata sistem pengangkutan canggih itu berupaya membawa 80,000 penumpang sehari yang mampu membantu menggalakkan orang ramai mengguna pengangkutan awam yang lebih pantas.

"Kita galakkan orang ramai menggunakan monorel kerana selain tambang murah, ia membantu memelihara alam sekitar," katanya selepas pelancaran KL Monorel oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stesen Monorel Bukit Bintang, di sini semalam.

Katanya, pelancaran projek bernilai RM1.18 bilion itu melengkapkan sambutan Hari Kebangsaan ke-46 sebagai hadiah istimewa kepada jutaan penduduk bandar raya.

Selepas pelancaran itu orang ramai berpeluang mencuba sendiri kecanggihan sistem perkhidmatan itu dengan kadar bayaran RM1 mulai jam 4.30 petang semalam.

Sepanjang September ini, KL Monorel menawarkan perkhidmatan pengenalan antara jam 10 pagi hingga 3 petang setiap hari menggunakan lima tren. Penumpang boleh menikmati tambang pada kadar RM1 setiap perjalanan.

"KL Monorel akan menderma 50 peratus hasil jualan tiket bulan September kepada pelbagai badan kebajikan. Pada Oktober ini, masa operasi KL Monorel dilanjut mulai jam 7 pagi hingga 8 malam dengan enam hingga lapan tren beroperasi.

"Pada akhir tahun, perkhidmatannya bermula jam 6 pagi hingga 12 tengah malam dengan 12 tren beroperasi," katanya.

Kadar tambang selepas tempoh pengenalan adalah antara RM1.20 sen sehingga RM2.50 mengikut jarak perjalanan. Jajaran KL Monorel bermula di Stesen Jalan Tun Razak melalui Jalan Pahang, Jalan Sultan Ismail, Jalan Imbi, Jalan Hang Tuah, Jalan Maharaja Lela, Jalan Tebing, Jalan Tun Sambanthan 5 di Brickfields dan berakhir di Stesen Monorel KL Sentral.

Chan berkata, KL Monorel dihubungkan ke rangkaian pengangkutan awam berasaskan rel sedia ada, iaitu Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (Star-LRT), Projek Usaha sama Transit Aliran Ringan Automatik Sdn Bhd (Putra-LRT), Keretapi Tanah Melayu (KTM), Komuter dan Ekspress Rail Link (ERL).

Terdahulu, Pengerusi MTrans Holdings Sdn Bhd, David Chew, berkata pelancaran sistem monorel itu meletakkan Malaysia bersama Jepun, Jerman, Kanada, Perancis dan Sepanyol untuk mewujudkan pengangkutan canggih itu.

"Setakat ini, dua memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani dengan China dan Indonesia, manakala kami berharap dapat melaksanakan projek ini di Dubai dan Karachi.

"Kita membangunkan projek ini menggunakan kepakaran tempatan dan dengan itu boleh menjimat separuh daripada kos," katanya.